



**ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
EXCLUSIVE FURNITURE ENTERPRISE**

**DISEDIAKAN UNTUK :
EN. HALIM SHUHAIMI B. YEOP JOHARI**

**TARIKH PENYERAHAN:
MAC 2000**

SENARAI KANDUNGAN

	<u>Muka surat</u>
SURAT KEBENARAN	
SURAT PENYERAHAN	
SURAT PERJANJIAN	
PERKONGSIAN	
PENGHARGAAN	
1. PENGENALAN	
1.1 Logo perniagaan	1
1.2 Pengertian logo	2
1.3 Pengenalan perniagaan	3
1.4 Tujuan Rancangan Perniagaan	4
1.5 Latar belakang perniagaan	5
1.6 Latar belakang pemilik	6
2. RANCANGAN PENTADBIRAN	
2.1 Pengenalan organisasi	12
2.2 Carta organisasi	14
2.2.1 Struktur organisasi	15
2.3 Tenaga pekerja organisasi	16
2.4 Spesifikasi tugas	17
2.5 Imbuhan balas jasa atau gaji	19
2.6 Keperluan pejabat	20
2.7 Perbelanjaan pentadbiran	21
3. RANCANGAN PEMASARAN	
3.1 Pengenalan	22
3.2 Sasaran pasaran	23
3.3 Saiz pasaran	25
3.4 Pesaing-pesaing utama	27

1.3 PENGENALAN PERNIAGAAN.

Exclusive Furniture Enterprise yang beralamat di Lot 88 & 89, 15200 Kota Bharu, Kelantan merupakan sebuah perniagaan perabot yang berbentuk perniagaan perkongsian. Perniagaan EFE untuk memenuhi permintaan tinggi masyarakat terhadap perabot ukir. Yang mana ia diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi seperti kayu cengal, meranti bukit, dan sebagainya. Tambahan pula perniagaan ini mempunyai pasaran yang luas dan berpotensi untuk maju ke hadapan. Ini kerana tidak banyak perniagaan yang menjual perabot ukir seperti EFE.

Selain daripada perabot ukir perniagaan kami juga menjalankan aktiviti menjual aksesori rumah seperti jubin kayu, daun pintu, bingkai tingkap dan pintu, dan sebagainya. Aktiviti yang kami jalankan adalah berbentuk perkhidmatan jualan terus, tempahan dan perkhidmatan penghantaran.

Dengan penubuhan EFE, kami yakin ia akan berjaya menembusi pasaran dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat memandangkan perabot ukir ini setanding dengan perabot import yang lain. Selain itu, pasaran terhadap perabot ukir ini adalah amat luas. Penubuhan perniagaan ini juga adalah bertujuan untuk menambahkan usahawan bumiputera kerana seperti yang diketahui umum perniagaan perabot ukir ini biasanya dimonopoli oleh kaum bukan bumiputera. Jadi kami mengambil langkah yang berani untuk bersaing dan sekaligus menguasai perniagaan ini.

1.4 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN.

Rancangan Perniagaan merupakan suatu dokumen bertulis yang menjelaskan tentang perniagaan yang dijalankan. Di bawah ada disenaraikan tujuan rancangan ini dibuat.

1. Rancangan Perniagaan ini disediakan sebagai justifikasi permohonan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pinjaman sebanyak RM 50,000 bagi menampung kos pelaksanaan projek kami.
2. Rancangan Perniagaan ini dapat membantu perniagaan kami dalam mengukur sejauh mana daya kemampuan dan majunya Exclusive Furniture Enterprise.
3. Memaklumkan kepada pelanggan dengan jelas dan terperinci berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan.
4. Rancangan Perniagaan juga dijadikan garis panduan syarikat kami dalam mengendalikan perniagaan dengan lebih cekap, efektif dan efisien supaya dapat memberi saingan yang positif serta mengatur strategi perniagaan dengan lebih teliti dan mantap.
5. Mengenalpasti masalah yang bakal timbul sebelum membuka sesebuah perniagaan.
6. Membuka peluang ke arah melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera yang berpotensi, mempunyai keyakinan diri, mempunyai sifat berani mencuba dan berdaya maju.

2.1 PENGENALAN ORGANISASI

2.1.1 Alamat Organisasi

Lokasi tempat perniagaan yang telah menjadi pilihan kami adalah bertempat di Kota Bharu iaitu ;

Exclusive Furniture Enterprise (EFE),
Lot 88 & 89 Jalan Kuala Krai,
15200 Kota Bharu,
Kelantan.

Kami memilih tempat ini kerana ianya merupakan tempat yang strategik di mana ianya terletak di tengah-tengah perjalanan dari Kuala Krai dan dari Pasir Mas ke bandar Kota Bharu. Di samping itu juga, tempat ini berhampiran dengan kawasan perumahan dan tempat membeli-belah masyarakat sekitarnya.

2.1.2 Pelan Lokasi Organisasi

Bentuk Bangunan.

Bangunan perniagaan kami adalah terdiri daripada dua blok bersebelahan. Blok yang pertama ialah untuk bilik pameran perabot ruang pejabat. Manakala blok yang kedua pula ialah untuk aksesori rumah dan stor. Segala urusan jual beli adalah dibuat di bahagian bilik pameran. Bangunan perniagaan kami adalah berada di kawasan yang strategik iaitu berhampiran dengan bandar Kota Bharu.

Kemudahan Infrastruktur.

Di kawasan perniagaan kami telah disediakan dengan pelbagai jenis kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk para pelanggan yang mengunjungi perniagaan kami. Antara kemudahan tersebut adalah kemudahan jalan raya, mempunyai tempat letak kereta, telefon awam dan elektrik. Bilik pameran kami juga terletak berdekatan dengan bandar Kota Bharu. Dengan ini dapat memudahkan lagi para pelanggan untuk mengunjungi perniagaan kami.